# Peniaga rasai peningkatan pengunjung

**Johor Bahru:** Perubahan cuti hujung minggu di Johor kepada Sabtu dan Ahad membawa limpahan manfaat ekonomi kepada golongan peniaga negeri ini.

Beberapa lokasi tumpuan termasuk Zoo Johor, selain pusat beli-belah khususnya di bandar raya ini turut mengalami peningkatan pengunjung mendadak sejak cuti hujung minggu bertukar.

Bazar Karat Johor Bahru yang beroperasi di tengah pusat bandar raya turut menerima tempias apabila mencatat pertambahan pengunjung sehingga lebih 50 peratus pada cuti pada Sabtu dan Ahad lalu.

Pengerusi Persatuan Pembangunan dan Kebajikan Bazar Karat Johor Bahru, Fuad Rahmat berkata, pihaknya tidak menyangka pertukaran cuti hujung minggu membawa limpahan ekonomi amat baik buat peniaga kecil pada permulaan tahun ini.

Katanya, sambutan pengunjung pada Sabtu dan Ahad lalu boleh diibaratkan luar biasa seperti malam raya Aidilfitri apabila pengunjung bersesak membeli persiapan raya.

"Sambutan sebegitu biasanya dialami peniaga menjelang Aidilfitri selain cuti umum perayaan lain selain cuti sekolah panjang.

"Kembalinya cuti pada Sabtu, Ahad membuatkan pengunjung tempatan dan Singapura kini bertumpu ke kawasan tarikan termasuk bazar ini sekali gus membawa limpahan kemakmuran kepada kami.

"Alhamdulillah, lebih 365 peniaga kecil di bazar ini mendapat limpahan manfaat sehingga ada peniaga beritahu stok jualan mereka kehabisan sebelum tengah malam," katanya ketika dihubungi, semalam.

Peniaga Bazar Karat JB, Muhammad Shah Faris Abdullah yang menjual snek dan makanan ringan berkata, stok jualannya hampir kehabisan berikutan sambutan hebat pengunjung pada Sabtu dan Ahad lalu.

"Tak sangka sambutan pengunjung malam Sabtu, Ahad lalu sudah macam malam raya. Jarang nak lihat suasana bazar sesak dipenuhi pengunjung seperti hujung minggu lalu.

"Harapnya sambutan pengunjung ini berterusan menyokong peniaga kecil seperti kami yang berharap hasil jualan harian untuk meneruskan kehidupan," katanya.

HARIAN METRO
Tarikh: 08 JAN 2025

GEMPA BUMI DI NEPAL

# Tiada rakyat Malaysia terjejas

HM 8/1

**Kuala Lumpur:** Kementerian Luar mengesahkan, setakat ini tiada laporan tentang rakyat Malaysia terjejas akibat gempa bumi berukuran 6.5 magnitud yang melanda kawasan 84 kilometer dari Lobuche, Nepal semalam.

Dalam satu kenyataan, Wisma Putra menggesa rakyat Malaysia di Nepal berwaspada, mematuhi garis panduan keselamatan dikeluarkan pihak berkuasa tempatan dan berhati-hati menghadapi situasi selepas gempa bumi.

Wisma Putra turut menggalakkan rakyat Malaysia di Nepal mendaftar kehadiran melalui platform E-Konsular serta kekal berhubung dengan Kedutaan Malaysia untuk maklumat terkini dan bantuan.

Untuk bantuan konsular, rakyat Malaysia boleh menghubungi Kedutaan Besar Malaysia di Kathmandu di Bakhundole-3, Lalitpur, melalui telefon di talian +977-1-5445680 atau +977-1-5445681 untuk pertanyaan umum atau +977-9801008000 untuk kecemasan.

Mereka boleh menghantar e-mel ke mwkathmandu@kln.gov.my untuk bantuan atau kathmandu@imi.gov.my bagi urusan imigresen.

Kementerian itu menegaskan komitmennya memantau dengan teliti perkembangan dan memberikan maklumat terkini apabila perlu.

Menurut laporan media antarabangsa, setakat ini 53 maut selepas gempa bumi berukuran 7.1 magnitud melanda Tibet berhampiran sempadan Nepal pada Selasa.

Gegaran itu turut dirasai di beberapa kawasan di India, termasuk Bihar, Assam dan Bengal Barat.

**53**

jumlah mangsa maut dalam gempa bumi berukuran 7.1 magnitud melanda Tibet berhampiran sempadan Nepal

HARIAN METRO
Tarikh: 08 JAN 2025

# Majlis Bandaraya Shah Alam diiktiraf PBT pertama patuh syariah

**Shah Alam:** Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menjadi pihak berkuasa tempatan (PBT) pertama di Malaysia mendapat pengiktirafan sebagai organisasi yang mematuhi syariah.

Pengarah Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Mohd Azhar Mohd Sharif, berkata pengiktirafan itu membolehkan MBSA memperoleh Sijil Pematuhan Syariah Ke Atas Organisasi melalui saringan Penyata Kewangan bagi 2023.

Beliau berkata, saringan pensijilan syariah itu dilaksanakan Salihin Shariah Advisory Sdn Bhd, iaitu penasihat syariah yang berkelayakan dan berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC).

"Skop pemeriksaan pensijilan syariah ini meliputi saringan seperti perkhidmatan, nisbah kewangan, aspek etika dan tanggungjawab sosial korporat (CSR).

"Pengiktirafan ini bertujuan meningkatkan keyakinan pemegang taruh MBSA berkaitan sumber pendapatan dan perbelanjaan yang dilaksanakan oleh MBSA sepanjang 2023," katanya menerusi kenyataan, di sini semalam.

Mohd Azhar berkata, pengiktirafan itu satu kejayaan membanggakan yang menunjukkan komitmen berterusan MBSA bagi memastikan pelaksanaan prinsip syariah dalam pelbagai aspek seperti kewangan, pengurusan sumber, pentadbiran dan perkhidmatan kepada masyarakat.

Katanya, MBSA akan terus berusaha untuk mengekalkan hala tuju sebagai sebuah organisasi yang bertanggungjawab terhadap tadbir urus, sosial dan persekitaran yang selaras konsep Maqasid al-Syariah.




BERITA HARIAN
Tarikh 08 JAN 2025

# 'Laksana potongan gaji automatik penjawat awam culas bayar PTPTN'

**Kuala Lumpur:** Potongan gaji automatik, antara cadangan dikemukakan Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik Malaysia (PPTD) bagi menggalakkan peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dalam kalangan penjawat awam dan pesara kerajaan melunaskan baki pinjaman pendidikan masing-masing.

Presidennya, Datuk Awang Alik Jeman, berkata ada beberapa langkah boleh diambil bagi memastikan sebilangan daripada kelompok penjawat awam yang culas dalam menjalankan amanah membuat bayaran balik.

"Satu daripadanya adalah mengintegrasikan sistem potongan gaji automatik bagi penjawat awam yang masih aktif berkhidmat. Bagi pesara, potongan boleh dilakukan melalui pencen bulanan sehingga pinjaman dilangsaikan.

"Kedua, kerajaan boleh memperkukuh dasar dengan mensyaratkan peminjam menyelesaikan pinjaman pendidikan sebelum sebarang kenaikan pangkat atau faedah tambahan. Sebagai contoh, peminjam yang culas mungkin tidak layak menerima insentif seperti cuti tanpa rekod untuk sambung pengajian atau elaun khas tertentu," katanya kepada *BH*.



*Awang Alik Jeman*

Beliau berkata demikian mengulas laporan berita muka depan *BH* mengenai peminjam PTPTN yang sudah mencapai usia 60 tahun dan sudah bersara tetapi masih belum selesai membayar balik pinjaman yang diberikan.

### Peminjam kurang kesedaran

Pengerusi PTPTN, Datuk Seri Norliza Abdul Rahim, ketika mendedahkan perkara yang dianggap sebagai tidak wajar itu, dilapor menegaskan kesedaran peminjam untuk membayar balik pinjaman amat penting kerana PTPTN memerlukan dana kira-kira RM3 bilion bagi membiayai kos pendidikan tinggi 450,000 peminjam sedia ada dan purata 150,000 peminjam baharu, setiap tahun.

Mengulas lanjut, Awang Alik berkata pada masa sama, melalui agenda reformasi perkhidmatan awam yang digerakkan pada masa ini, kursus khas boleh diperkenalkan untuk mendidik penjawat awam mengenai kepentingan bayaran balik pinjaman pendidikan sebagai satu tanggungjawab moral dan profesional.

Beliau turut menyuarakan kebimbangan berikutan ada golongan pesara yang direkodkan masih berhutang. Adalah mengejutkan apabila terdapat peminjam berusia 60 tahun yang masih belum menyelesaikan pinjaman mereka.

"PPTD menyarankan supaya ada pelan bayaran semula khusus untuk pesara, umpamanya kerajaan boleh menawarkan pelan ansuran berjangka panjang yang disesuaikan dengan kemampuan pencen mereka.

"Mungkin juga boleh beri diskaun kepada pesara yang mampu membayar baki secara sekali gus," katanya.

Beliau turut menggesa kerjasama di antara Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan PTPTN melalui penggunaan teknologi data besar (Big Data) bagi mengenal pasti peminjam yang culas melalui analisis data perkhidmatan keduanya.

Jelasnya, tindakan proaktif membabitkan kedua-dua pihak terbabit penting supaya tindakan wajar dapat diambil sebelum penjawat awam yang masih ada baki hutang bersara.

"Pegawai Tadbir Diplomatik juga boleh memainkan peranan utama dalam memastikan penjawat awam baru memahami implikasi culas membayar pinjaman. Ini boleh dimasukkan ke dalam modul orientasi penjawat awam.

"Melalui pendekatan ini, kita dapat memastikan penjawat awam dan pesara memahami tanggungjawab mereka sebagai pemacu kemajuan negara. Dalam semangat Malaysia Madani, kebertanggungjawaban adalah asas kepada pembangunan sosial yang mampan," katanya.

BERITA HARIAN
Tarikh 08 JAN 2025

# SSPA ambil kira keseimbangan kos sara hidup rakyat seluruh negara

- Secara keseluruhan, pelaksanaan SSPA mempunyai kesan bercampur-campur terhadap kos sara hidup dan taraf kehidupan di Malaysia
- Penting bagi kerajaan mengimbangi kesan ini dengan dasar sesuai bagi memastikan pertumbuhan ekonomi mampan dan peningkatan taraf kehidupan rakyat


*Oleh Dr Cheah Chan Fatt*
bhrencana@bh.com.my





Felo Penyelidik di Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz (UAC), Universiti Malaya


**Kerajaan** memulakan kajian untuk merombak sistem saraan baharu kakitangan awam bagi menggantikan Sistem Saraan Malaysia (SSM) bermula Julai 2023.

Selepas mengambil kira pelbagai faktor, kerajaan bersetuju SSM digantikan kepada Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) berkuat kuasa mulai 1 Disember 2024.

SSPA adalah satu sistem direka untuk memperbaiki struktur gaji dan faedah bagi kakitangan awam, termasuk beberapa kesan signifikan terhadap kos sara hidup dan taraf kehidupan di Malaysia.

Ia boleh dilihat dari pelbagai perspektif, termasuk perbezaan kos sara hidup di kawasan bandar dan luar bandar serta prestasi kerja kakitangan awam serta golongan pencen.

- Pertama, pelaksanaan SSPA membawa kepada peningkatan gaji kakitangan awam. Peningkatan pendapatan boleh guna ini meningkatkan kuasa beli mereka, seterusnya meningkatkan permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan dalam negara, berpotensi merangsang pertumbuhan ekonomi.

Bagaimanapun, peningkatan permintaan ini boleh menyebabkan tekanan inflasi. Apabila permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan meningkat, harga cenderung untuk bertambah, berisiko menyebabkan inflasi jika tidak dikawal dengan baik.

- Kedua, pelaksanaan SSPA mengakibatkan peningkatan kos operasi kerajaan. Peningkatan gaji dan faedah bagi kakitangan awam memerlukan perbelanjaan lebih tinggi kerajaan, dibimbangi menyebabkan defisit fiskal jika tidak diimbangi dengan peningkatan hasil kerajaan.

Ini memerlukan pengurusan fiskal yang berhati-hati untuk memastikan kesihatan kewangan kerajaan kekal stabil.

- Ketiga, peningkatan gaji dan faedah juga diharap meningkatkan motivasi dan kepuasan kerja kakitangan awam, berpotensi membawa kepada peningkatan produktiviti dalam sektor awam.

Ini diharap memberi kesan positif terhadap penyampaian perkhidmatan awam dan keberkesanan pentadbiran kerajaan. Apabila kakitangan awam berasa dihargai dan diberi ganjaran setimpal, mereka cenderung bekerja lebih tekun dan bersemangat, seterusnya meningkatkan prestasi kerja mereka.

Bagaimanapun, peningkatan gaji dalam sektor awam turut dijangka memberi tekanan kepada sektor swasta untuk meningkatkan gaji bagi menarik dan mengekalkan pekerja.

Ini dikhuatiri meningkatkan kos operasi bagi syarikat swasta, memberi kesan terhadap keuntungan dan daya saing mereka.

Selain itu, peningkatan perbelanjaan kerajaan dan tekanan inflasi berpotensi memberi kesan terhadap iklim pelaburan di Malaysia. Pelabur mungkin menjadi lebih berhati-hati jika melihat risiko inflasi tinggi dan defisit fiskal meningkat. Ini mampu memberi kesan terhadap aliran masuk pelaburan asing dan domestik.

## Rangsang permintaan domestik

Secara keseluruhan, pelaksanaan SSPA mempunyai kesan bercampur-campur terhadap kos sara hidup dan taraf kehidupan di Malaysia.

Walaupun ia mampu merangsang permintaan domestik dan meningkatkan produktiviti sektor awam, ia juga boleh menyebabkan tekanan inflasi dan peningkatan kos operasi kerajaan.

Oleh itu, penting bagi kerajaan mengimbangi kesan ini dengan dasar sesuai bagi memastikan pertumbuhan ekonomi mampan dan peningkatan taraf kehidupan rakyat.

Perbezaan kos sara hidup antara kawasan bandar dan luar bandar juga perlu diambil kira. Kos sara hidup di bandar besar seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Pulau Pinang jauh lebih tinggi berbanding luar bandar.

Harga barangan makanan, kos pengangkutan, perkhidmatan asas dan sewa rumah meningkat dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Walaupun terdapat lebih banyak peluang pekerjaan di bandar, gaji ditawarkan sering tidak mencukupi untuk menampung kos hidup tinggi. Ramai terpaksa bekerja lebih lama atau membuat pekerjaan sampingan untuk menyara keluarga.

Di kawasan luar bandar, walaupun kos sara hidup mungkin lebih rendah, pendapatan juga cenderung lebih rendah berbanding di bandar. Ini menyebabkan penduduk luar bandar menghadapi cabaran menampung kos sara hidup mereka.

Faktor seperti kos pengangkutan lebih tinggi dan akses terhad kepada perkhidmatan asas turut menyumbang kepada beban kos sara hidup di luar bandar.

Oleh itu, pelaksanaan SSPA perlu mengambil kira perbezaan kos sara hidup antara kawasan bandar dan luar bandar bagi memastikan keadilan serta keseimbangan peningkatan taraf kehidupan rakyat di seluruh negara.

Selain itu, peningkatan gaji dan faedah melalui SSPA boleh meningkatkan prestasi kerja kakitangan awam, seterusnya memberi kesan positif terhadap penyampaian perkhidmatan awam dan keberkesanan pentadbiran kerajaan.

Bagi golongan pencen, pelaksanaan SSPA membawa kesan signifikan. Kerajaan bersetuju meneruskan Pemberian Khas Kepada Pesara (PKKP) dan penerima pencen terbitan dalam usaha menjaga kebajikan golongan terbabit.

Pencen pesara diselaraskan berdasarkan gaji akhir pesara mengikut kumpulan perkhidmatan masing-masing secara berfasa, iaitu pada 1 Disember 2024 dan 1 Januari ini.

Langkah ini bertujuan memastikan golongan pesara menerima jumlah lebih tinggi untuk menangani kos sara hidup semakin meningkat.

Menerusi penyelarasan pencen ini, golongan pesara dapat menikmati taraf kehidupan lebih baik dan stabil. Ini menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap kebajikan golongan pesara, selaras dengan konsep Ihsan menerusi prinsip Malaysia MADANI.

Tambahan pula, saiz tenaga buruh dalam sektor kerajaan juga memainkan peranan penting dalam ekonomi Malaysia. Menurut laporan Jabatan Perangkaan Malaysia, sektor awam Malaysia mempunyai lebih daripada 1.7 juta pekerja, merangkumi kira-kira 14.27 peratus daripada tenaga buruh negara.

Ini menunjukkan sektor awam adalah salah satu majikan terbesar di negara ini dan sebarang perubahan dalam struktur gaji serta faedah akan memberi kesan besar terhadap ekonomi keseluruhan.



**Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH**


BERITA HARIAN
Tarikh 08 JAN 2025

# Pastikan kenaikan gaji rangsang pertumbuhan ekonomi



CHEAH CHAN FATT

SISTEM Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) adalah satu sistem yang direka untuk memperbaiki struktur gaji dan faedah bagi kakitangan awam di Malaysia.

Pelaksanaan SSPA mempunyai beberapa kesan yang signifikan terhadap kos sara hidup serta taraf kehidupan yang boleh dilihat dari pelbagai perspektif, termasuk perbezaan kos sara hidup di kawasan bandar dan luar bandar. Begitu juga prestasi kerja kakitangan awam dan golongan pencen.

Pertama, pelaksanaan SSPA membawa kepada peningkatan gaji bagi kakitangan awam. Peningkatan pendapatan boleh guna meningkatkan kuasa beli, seterusnya meningkatkan permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan dalam negara, sekali gus berpotensi merangsang pertumbuhan ekonomi.

Walau bagaimanapun, peningkatan permintaan ini juga boleh menyebabkan tekanan inflasi. Apabila permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan meningkat, harga cenderung untuk naik, yang boleh menyebabkan inflasi jika tidak dikawal dengan baik.

Kedua, pelaksanaan SSPA mengakibatkan peningkatan kos operasi kerajaan. Peningkatan gaji dan faedah bagi kakitangan awam memerlukan perbelanjaan yang lebih tinggi oleh kerajaan, yang boleh menyebabkan defisit fiskal jika tidak diimbangi dengan peningkatan hasil kerajaan. Ini memerlukan pengurusan fiskal yang berhati-hati untuk memastikan kesihatan kewangan kerajaan kekal stabil.

Ketiga, peningkatan gaji dan faedah boleh meningkatkan motivasi dan kepuasan kerja kakitangan awam. Ia berpotensi membawa kepada peningkatan produktiviti dalam sektor awam. Ini boleh memberi kesan positif terhadap penyampaian perkhidmatan awam dan keberkesanan pentadbiran kerajaan.




PELAKSANAAN Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) meningkatkan permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan dalam negara selain berpotensi merangsang pertumbuhan ekonomi.

> "Apabila permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan meningkat, harga cenderung untuk naik, yang boleh menyebabkan inflasi jika tidak dikawal dengan baik."

Apabila kakitangan awam merasa dihargai dan diberi ganjaran yang setimpal, mereka cenderung untuk bekerja dengan lebih tekun dan bersemangat. Ini seterusnya meningkatkan prestasi kerja mereka.

Walau bagaimanapun, peningkatan gaji dalam sektor awam juga boleh memberi tekanan kepada sektor swasta untuk meningkatkan gaji bagi menarik dan mengekalkan pekerja. Ini boleh meningkatkan kos operasi bagi syarikat-syarikat swasta, yang boleh memberi kesan terhadap keuntungan dan daya saing mereka.

Selain itu, peningkatan perbelanjaan kerajaan dan tekanan inflasi berpotensi memberi kesan terhadap iklim pelaburan di Malaysia. Pelabur mungkin menjadi lebih berhati-hati jika mereka melihat risiko inflasi yang tinggi dan defisit fiskal yang meningkat. Ini boleh memberi kesan terhadap aliran masuk pelaburan asing dan domestik.

Secara keseluruhan, pelaksanaan SSPA mempunyai kesan yang bercampur-campur terhadap kos sara hidup dan taraf kehidupan di Malaysia. Walaupun ia boleh merangsang permintaan domestik dan meningkatkan produktiviti dalam sektor awam, ia juga boleh menyebabkan tekanan inflasi serta peningkatan kos operasi kerajaan. Oleh itu, adalah penting bagi kerajaan untuk mengimbangi kesan-kesan ini dengan dasar-dasar yang sesuai untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan peningkatan taraf kehidupan rakyat.

Perbezaan kos sara hidup antara kawasan bandar dan luar bandar juga perlu diambil kira. Kos sara hidup di bandar besar seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Pulau Pinang adalah jauh lebih tinggi berbanding kawasan luar bandar. Harga barangan makanan, kos pengangkutan, perkhidmatan asas dan sewa rumah meningkat dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Walaupun terdapat lebih banyak peluang pekerjaan di bandar, gaji ditawarkan sering tidak mencukupi untuk menampung kos hidup yang tinggi. Ramai yang terpaksa bekerja lebih lama atau mengambil pekerjaan sampingan untuk menyara keluarga.

Di kawasan luar bandar, walaupun kos sara hidup mungkin lebih rendah, pendapatan juga cenderung lebih rendah berbanding di bandar. Ini menyebabkan penduduk luar bandar juga menghadapi cabaran dalam menampung kos sara hidup. Faktor-faktor seperti kos pengangkutan yang lebih tinggi dan akses terhad kepada perkhidmatan asas turut menyumbang kepada beban kos sara hidup di luar bandar.

Oleh itu, pelaksanaan SSPA perlu mengambil kira perbezaan kos sara hidup antara kawasan bandar dan luar bandar untuk memastikan keadilan dan keseimbangan dalam peningkatan taraf kehidupan rakyat di seluruh negara.

Selain itu, peningkatan gaji juga boleh meningkatkan prestasi kerja kakitangan awam, yang seterusnya memberi kesan positif terhadap penyampaian perkhidmatan awam dan keberkesanan pentadbiran kerajaan.

**HIDUP PESARA LEBIH STABIL**

Bagi golongan pencen, pelaksanaan SSPA juga membawa kesan yang signifikan. Kerajaan telah bersetuju untuk meneruskan Pemberian Khas Kepada Pesara (PKKP) dan penerima pencen terbitan yang telah menikmati PKKP dalam usaha menjaga kebajikan golongan tersebut.

Pencen pesara diselaraskan berdasarkan gaji akhir mengikut kumpulan perkhidmatan masing-masing secara berfasa, iaitu pada 1 Disember 2024 dan 1 Januari 2025. Langkah ini bertujuan untuk memastikan golongan pesara menerima jumlah yang lebih tinggi untuk menangani kos sara hidup yang semakin meningkat.

Dengan penyelarasan pencen ini, golongan pesara dapat menikmati taraf kehidupan yang lebih baik dan lebih stabil. Ini juga menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap kebajikan golongan pesara, selaras dengan konsep ihsan yang dipegang oleh Kerajaan Madani.

Tambahan pula, saiz tenaga buruh dalam sektor kerajaan juga memainkan peranan penting dalam ekonomi Malaysia. Menurut laporan Jabatan Perangkaan Malaysia, sektor awam Malaysia mempunyai lebih daripada 1.7 juta pekerja, yang merangkumi kira-kira 14.27 peratus daripada jumlah tenaga buruh negara.

Ini menunjukkan sektor awam adalah salah satu majikan terbesar di negara ini dan sebarang perubahan dalam struktur gaji serta faedah akan memberi kesan yang besar terhadap ekonomi keseluruhan.

Pastikan kenaikan gaji rangsang pertumbuhan ekonomi.

DR. Cheah Chan Fatt ialah Felo Penyelidik di Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz (UAC), Universiti Malaya (UM).

BERITA HARIAN
Tarikh 08 JAN 2025



LARANGAN merokok bukan sahaja bagi melindungi kesihatan pekerja tetapi menyumbang secara signifikan kepada kesejahteraan masyarakat dan generasi akan datang.

um 8/1

# Kuatkuasa larangan merokok di semua bangunan tempat kerja

GABUNGAN Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) menyokong sepenuhnya penguatkuasaan larangan merokok di semua bangunan tempat kerja di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP) melalui Kod Amalan Kualiti Udara Dalaman 2010. Larangan ini juga dikuatkuasakan selaras dengan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 853) dan Perintah Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam (Pengisytiharan Kawasan atau Tempat Larangan Merokok) 2024.

Matlamat larangan ini bagi melindungi semua pihak daripada bahaya asap tembakau. Seramai 27,000 orang maut setiap tahun akibat penyakit yang berpunca daripada pendedahan asap tembakau termasuk asap rokok sekunder.

Bahkan, usaha ini membantu mengurangkan kadar merokok ke arah mendorong mereka untuk berhenti tabiat berkenaan.

Selain itu, ia juga bagi melindungi kanak-kanak. Ini kerana mereka memerhatikan orang dewasa merokok sejak bayi lalu terpengaruh dengan tabiat kurang sihat di khalayak awam.

Dalam masa sama, orang awam perlu mematuhi etika merokok termasuk tidak mengajak sesiapapun, walaupun perokok, kerana mungkin mereka sedang berusaha untuk berhenti merokok.

Begitu juga, patuhilah arahan dengan tidak merokok di tempat-tempat yang dilarang dan di hadapan kanak-kanak.

Tindakan Undang-Undang terhadap larangan merokok sejak pelaksanaan Kod Amalan Kualiti Udara Dalaman 2010 dan penguatkuasaan Akta 853, terdapat beberapa pihak telah mencabar perluasan larangan merokok di bangunan tempat kerja atas pelbagai alasan, termasuk kebimbangan tentang hak peribadi serta implikasi ekonomi.

Walau bagaimanapun, mahkamah menegaskan kepentingan kesihatan awam adalah keutamaan utama.

FOMCA menyeru semua pihak untuk menghormati keputusan undang-undang ini demi melindungi keselamatan dan kesihatan masyarakat secara keseluruhan.

Umum perlu memahami mengapa larangan merokok di tempat kerja diwujudkan. Antaranya bagi melindungi kesihatan pekerja. Usaha ini dapat menghapuskan pendedahan kepada asap rokok basi yang boleh menyebabkan masalah kesihatan akut dan kronik.

Ia juga dapat meningkatkan produktiviti. Apabila kurang atau tiada asap rokok, pastinya dapat mengurangkan ketidakhadiran ke pejabat akibat penyakit yang berkaitan masalah ini.

Dalam masa sama dapat menurunkan kos. Ini kerana dapat menjimatkan kos penyelenggaraan bangunan dan rawatan kesihatan.

Yang penting, ia juga menyokong persekitaran kerja sihat apabila mesej jelas diberikan tentang komitmen terhadap kesejahteraan pekerja.

Oleh itu, semua majikan diwajibkan untuk memastikan bangunan tempat kerja bebas asap rokok sepenuhnya.

Pemantauan dan penguatkuasaan oleh pihak berkuasa akan ditingkatkan untuk memastikan pematuhan terhadap larangan ini.

Penggunaan papan tanda larangan merokok yang jelas harus diletakkan di semua bangunan tempat kerja sebagai peringatan.

FOMCA memperingatkan agar pekerja mematuhi larangan dengan hanya merokok di kawasan yang ditetapkan di luar bangunan.

Usaha mendidik dan menyedarkan perlu terus diadakan agar orang ramai mengetahui tentang bahaya asap rokok basi.

Dalam masa sama, pihak terlibat perlu mengambil tindakan tegas terhadap pelanggaran peraturan larangan merokok.

Inisiatif ini bukan sahaja melindungi kesihatan pekerja tetapi juga menyumbang secara signifikan kepada kesejahteraan masyarakat dan generasi akan datang dengan mewujudkan persekitaran yang lebih sihat serta mengurangkan beban penyakit yang berkaitan dengan asap rokok.

**MUHAMMAD SHA'ANI ABDULLAH**
Penyelaras Kawalan Tembakau / Inisiatif @Smoke-FreeMY, Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA)

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: ...08 JAN 2025......

# Peluang lebih cerah jika kuasai pelbagai bahasa

Oleh JOHANNA MUMTAZ WANPA
johanna.pa@mediamulia.com.my

DALAM era serba canggih kini, menguasai pelbagai bahasa menjadi salah satu kemahiran penting khususnya dalam kalangan pelajar sekolah.

Keupayaan menguasai bahasa asing bukan sahaja memberikan manfaat dalam aspek pembelajaran malah ia juga membuka peluang yang lebih luas untuk masa hadapan.

Pertama, penguasaan lebih daripada satu bahasa membuka peluang kepada komunikasi yang lebih berkesan di peringkat antarabangsa. Bahasa adalah medium utama untuk memahami budaya dan adat resam masyarakat lain.

Sebagai contoh, pelajar yang mempelajari bahasa Jepun atau Korea bukan sahaja

> "Penguasaan lebih daripada satu bahasa membuka peluang kepada komunikasi yang lebih berkesan di peringkat antarabangsa."

dapat berkomunikasi dengan penutur asal tetapi juga mampu mendalami gaya hidup mereka. Ini bukan sahaja melahirkan individu yang berfikiran terbuka malah dapat memupuk sikap hormat terhadap kepelbagaian budaya.

Selain itu, kebolehan bertutur dalam pelbagai bahasa juga mampu meningkatkan daya saing dalam dunia pekerjaan.

Sebagai contoh, majikan kini lebih memilih individu yang mampu berkomunikasi dalam bahasa asing terutamanya bagi sektor pelancongan, perniagaan antarabangsa, dan teknologi. Kemahiran itu menjadikan pelajar lebih bersedia untuk bersaing di pasaran kerja yang semakin mencabar.

Sementara itu, mempelajari bahasa baharu juga dapat meningkatkan keupayaan kognitif. Kajian membuktikan bahawa individu yang belajar lebih daripada satu bahasa mempunyai daya ingatan yang lebih baik, kemahiran berfikir secara kritis dan keupayaan menyelesaikan masalah dengan lebih cekap. Hal ini bukan sahaja memberikan impak positif kepada kehidupan seharian malah ia turut menyumbang kepada peningkatan prestasi akademik pelajar.

Namun begitu, mempelajari bahasa baharu memerlukan usaha dan dedikasi yang berterusan. Pelajar perlu memanfaatkan teknologi seperti aplikasi Duolingo atau mengikuti kelas tambahan dan menyertai aktiviti yang melibatkan penggunaan bahasa asing. Amalan berterusan seperti bercakap dengan rakan-rakan atau menonton rancangan dalam bahasa asing juga dapat membantu mempercepatkan proses pembelajaran.

Kesimpulannya, menguasai pelbagai bahasa adalah pelaburan berharga untuk masa hadapan. Ia bukan sahaja menjadikan seseorang lebih berdaya saing tetapi turut memperkayakan jiwa dengan pengalaman dan ilmu baharu. Oleh itu, jadikanlah penguasaan bahasa sebagai langkah utama untuk menuju kejayaan.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 0 8 JAN 2025

# 'Scammer' berani perdaya mangsa guna talian hotline polis

UM 8/1

**PORT DICKSON:** Sindiket penipuan dikesan menggunakan talian hotline Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Port Dickson bagi memperdayakan mangsa berkaitan kes polis.

Ketua Polis Daerah Port Dickson, Superintenden Maslan Udin berkata, terdapat kes penyalahgunaan talian hotline IPD Port Dickson bernombor 017-6001411 oleh pihak tidak bertanggungjawab bagi tujuan penipuan.

"Modus operandi yang dikenal pasti ialah panggilan palsu menggunakan talian IPD Port Dickson bagi tujuan memperdaya mangsa berkaitan kes-kes kesalahan trafik dan sebagainya.

"Pihak polis ingin menegaskan bahawa talian hotline (017-6001411) hanya digunakan untuk urusan rasmi dan tidak akan digunakan untuk membuat panggilan telefon kepada orang ramai serta tidak digunakan untuk meminta maklumat kewangan peribadi atau melibatkan sebarang transaksi kewangan," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Sehubungan itu, beliau berkata, orang ramai diingatkan supaya tidak mendedahkan maklumat peribadi atau kewangan kepada pihak yang tidak dikenali.

"Orang ramai dinasihatkan tidak terpedaya dengan penipuan atau kes-kes salah laku berkaitan kes jenayah atau kemalangan jalan raya serta saman melalui panggilan telefon.

"Berhati-hati dengan panggilan menggunakan ugutan atau tekanan psikologi dan sentiasa merujuk atau mengesahkan sebarang maklumat kepada pigak polis di talian rasmi yang sahih," katanya.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 08 JAN 2025